

Aku sebuah kereta

Aku sebuah kereta. Namaku ialah 'Proton Wira'. Aku dilahirkan sebuah kilang membuat kereta di Shah Alam.

Aku berwarna biru. Badanku diperbuat daripada besi. Badanku juga dipasang dengan empat tayar.

Setelah siap, aku dihantar ke kedai menjual kereta. Aku dihantar melalui sebuah kontena ke kedai. Pemilik kedai telah membersihkan aku. Aku dipamerkan di kedai. Beliau meletakkan tanda harga pada badanku.

Pada suatu hari, datang seorang pemuda ke kedai. Nama pemuda itu ialah Encik Ramlan. Beliau melihatku selama satu jam. Beliau tertarik hati pada diriku. Beliau terus membeliku pada harga RM 76,000.00

Encik Ramlan menjagaku dengan baik. Beliau memanduku dengan cermat. Beliau memandu aku ke tempat kerja tiap-tiap hari. Encik Ramlan mencuciku dua kali seminggu. Aku berasa gembira dan bangga mendapat tuan sepertinya.

Padankan idea utama bersama idea sampingan yang betul.

IDEA UTAMA

IDEA SAMPINGAN